

## **News Alert – Urgent Topics (26 April 2019)**

**Isu 1:** Kuota Kemasukan ke Matrikulasi

**Tajuk:** Bilangan pelajar ke matrikulasi ditambah kepada 40,000

**Sumber:** Utusan Malaysia

**Sinopsis:**

YB Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik menjelaskan bilangan kemasukan pelajar ke program matrikulasi Kementerian Pendidikan (KPM) ditambah kepada 40,000 tempat berbanding 25,000 sebelum ini. Beliau dalam pada itu turut berkata mesyuarat Jemaah Menteri juga memutuskan kuota 90 peratus untuk pelajar bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan bumiputera dikekalkan, selaras dengan visi asal program ini bagi menggalakkan pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran dalam bidang sains.

**Komen:**

1. Pengekalan kuota lama iaitu 10 peratus untuk pelajar bukan bumiputera merupakan langkah yang mengecewakan dari kerajaan Pakatan Harapan. Ahli Parlimen DAP rata-ratanya telah kehilangan suara untuk terus membela nasib masyarakat Cina khususnya bagi masa hadapan pelajar Cina di negara ini.

2. Kementerian perlu menjelaskan bagaimanakah peningkatan jumlah ini akan dapat memastikan para pelajar lulusan matrikulasi ini mempunyai kualiti yang tinggi dan lebih baik dari kumpulan sebelumnya.

**Isu 2:** Pembelian minyak sawit Malaysia oleh China

**Tajuk:** China tambah beli minyak sawit

**Sumber:** Sinar Harian

**Sinopsis:**

Republik Rakyat China bersetuju menambah pembelian minyak sebanyak 1.9 juta tan sawit Malaysia bagi tempoh lima tahun mulai 2019 sehingga 2023 dengan anggaran nilai sebanyak RM4.56 bilion.

Kementerian Industri Utama (MPI) dalam satu kenyataan berkata, persetujuan itu dibuat setelah China Chamber of Commerce of Foodstuffs and Native Produce (CFNA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Enhancing Palm Oil Trade and Cooperation dengan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) di Beijing, China. Kandungan utama MoU ini adalah melaksanakan program kerjasama dengan membenarkan belian terus minyak sawit dan produk berasaskan sawit yang berjumlah 1.9 juta tan untuk tempoh lima tahun.

**Komen:**

1. Pada November 2015, Malaysia dan Republik Rakyat China telah menandatangani Perjanjian The Cooperation Programme to Enhance Bilateral Trade, Economic and Investment Cooperation (Trade Agreement) dan Perjanjian Enhancing Cooperation in Production Capacity and Investment (Production and Capacity Investment Agreement) di Putrajaya. Namun begitu, nilai eksport minyak sawit ke Republik Rakyat China bagi tahun 2018 telah menunjukkan penurunan sebanyak 10.8 peratus berbanding tahun 2017.

2. Rakyat khususnya para pekebun sawit pastinya menantikan apakah manfaat atau perubahan hidup yang akan dirasai mereka melalui langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ini dan sejauh manakah mata pencarian mereka dapat ditingkatkan pada masa akan datang.